



Subsidi petrol terbesar

2 JUTA DAPAT MANFAAT

➤ Kerajaan akan umum program subsidi petrol terbesar Isnin ini.

➤ Beri manfaat kira-kira 2 juta penerima Bantuan Sara Hidup yang memiliki kenderaan.

➤ Mekanisme pemberian subsidi telah mendapat persetujuan Kabinet.

➤ Subsidi dibayar secara tunai terus ke dalam akaun bank penerima setiap empat bulan.

“

Kita telah pun selesai kajian dan libat urus dengan pemegang taruh, syarikat minyak dan syarikat kewangan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khususnya berkaitan dengan kepenggunaan.”

SUMBER

BERITA PENUH DI MUKA 3

2 juta rakyat dapat subsidi petrol

■ KUALA LUMPUR 4 OKT.

AKHIRNYA perkara yang ditunggu-tunggu oleh rakyat iaitu berkaitan subsidi petrol bersasar dijangka diumumkan Isnin depan.

Menurut sumber, penerima yang layak menikmati subsidi itu adalah mereka yang merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan juga mempunyai kenderaan berdaftar.

Difahamkan, bantuan subsidi petrol itu akan dibayar secara tunai terus ke dalam akaun bank penerima yang layak, bukan

menggunakan kad subsidi seperti yang dicadangkan sebelum ini.

Kata beliau, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menganggarkan kira-kira dua juta penerima layak menikmati skim tersebut.

"Kita telah pun selesai kajian dan libat urus dengan pemegang taruh, syarikat minyak dan syarikat kewangan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khususnya berkaitan dengan kepenggunaan.

"Difahamkan pihak menteri (Datuk Seri Saifuddin Nasution

Ismail) telah pun memberi taklimat kepada Perdana Menteri (Tun Dr. Mahathir Mohamad), Kementerian Kewangan dan berjaya mendapat lampu hijau daripada Perdana Menteri," katanya.

Jelas sumber itu lagi, pelaksanaan subsidi petrol bersasar itu sepatutnya dilaksanakan pada suku kedua tahun ini.

Bagaimanapun, perkara itu terpaksa mengambil masa se-hingga kini susulan beberapa isu seperti pengumpulan data yang memerlukan penelitian penuh.

"Ia termasuk silang semak

data BSH dan data daripada pelbagai agensi serta jabatan berkaitan," katanya.

Dalam Bajet 2019 yang dibentangkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada November tahun lalu menyatakan pemilik kereta berkapasiti enjin 1,500cc dan motosikal berkapasiti enjin 125cc akan menikmati subsidi petrol RON95 sebanyak 30 sen seliter.

Menerusi mekanisme subsidi itu, pemilik kereta akan menerima subsidi petrol RON95 terhad kepada 100 liter bagi pemilik kereta dan 40 liter bagi motosikal.